

**TEKS UCAPAN  
YANG DIPERTUA**

**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MAJLIS PERASMIAN LONTARAN BEBOLA TANAH  
DAN PELEPASAN BENIH IKAN  
DI KOLAM TERATAI, BUKIT MERTA JAM  
16 JULAI 2016 (SABTU), 8.00 PAGI**

---

**Yang Berusaha Encik Koji Noboryu**

Pengarah Urusan Canon Electronic Malaysia Sdn. Bhd.

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua - ketua Jabatan

Guru serta Pelajar yang dikasihi

Rakan - rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

---

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada para hadirin sekalian. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Canon Electronic Malaysia Sdn Bhd kerana sudi bekerjasama dengan MPSP dalam mengadakan program lontaran bebola tanah dan pelepasan benih ikan di kolam teratai pada hari ini.

Tuan - tuan dan puan - puan,

Canon Electronics (Malaysia) Sdn Bhd telah bersama MPSP mengadakan program hijau dengan membuat bebola tanah, kitar semula dan gotong royong di sekolah dan tempat awam sejak tahun 2009. Pada tahun 2013, sekumpulan pegawai Canon Electronics (Malaysia) telah diberi latihan program kitar semula seperti membuat sabun dan efektif mikroorganisma. Kini kumpulan ini telah melaksanakan program hijau di kilang mereka bekerja.

Untuk makluman semua, program membuat bebola tanah dan bengkel kitar semula ini ditaja oleh SP Setia Foundation dan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim melalui '*cluster environmental care*' geran penyelidikan. Manakala MPSP dan Canon AFG Team memberikan sokongan teknikal.

Sebanyak tiga buah sekolah iaitu SJK (Tamil) Tasek Permai, Sekolah Kebangsaan Batu Feringgi dan SJKC Aik Hua, Batu Feringgi dipilih untuk melaksanakan program membuat bebola tanah dan bengkel kitar semula. Untuk makluman, aktiviti membuat bebola tanah telah diadakan di SJK (Tamil) Tasek Permai dan sebanyak 2,800 biji bebola tanah telah berjaya dihasilkan oleh murid - murid.

Pada 14 Mei 2016, murid-murid ini juga telah dibawa ke Pulau Jerejak bagi menyertai bengkel kitar semula. Di bengkel ini, pelajar telah diajar tentang jenis barang yang boleh dikitar semula dan sebaliknya serta cara membuat pengasingan sisa di punca.

Tuan - tuan dan Puan - puan yang dihormati sekalian,

Pemeliharaan dan pemuliharaan kualiti air amat penting kerana ianya adalah salah satu sumber asas bagi kehidupan manusia. Namun begitu, aktiviti manusia yang menyebabkan punca kualiti air semakin merosot dan rawatan air EM Mud Balls hanya boleh mengurangkan tahap pencemaran. Semuanya berbalik kepada tabiat manusia sendiri untuk memastikan air sungai tidak dicemari.

Setakat ini, sebanyak 19,300 EM Mud Ball telah dilontarkan di sekitar kawasan Seberang Perai serta MPSP dibantu oleh pelbagai pihak dalam menjayakan program sebegini.

<b>Kawasan / Sungai / Kolam</b>	<b>Kilang / Sekolah/ Organisasi</b>	<b>Bilangan EM Mud Balls</b>
Sungai Derhaka	South Island Garment	10,200 biji
Kawasan Perai	Uchi Electronics	6,800 biji
Kolam teratai	SMK Berapit	1,200 biji
Juru Dam	SK True Light	1,100 biji

Saya juga dimaklumkan bahawa, kawasan Perai iaitu di belakang Kilang Uchi Electronics sudah ada impak positif. Iaitu kualiti air telah bertambah baik.

	<b>Biochemical Oxygen Demand (BOD) mg/L</b>	<b>Chemical Oxygen Demand (COD) mg/L</b>
<b>Sebelum</b>	210.0	721.0
<b>Selepas 4 Bulan</b>	45.0	157.4
<b>Standard</b>		

<b>requirements</b>	50	200
---------------------	----	-----

Semua pihak seperti isi rumah, industri, institusi dan lain - lain seharusnya tahu untuk membuat perancangan yang sesuai dalam penggunaan air agar pengurusan sumber air dapat dijalankan secara lestari dan mampan. Persekitaran yang baik dan sesuai akan memastikan sumber air tidak tercemar.

Tuan - tuan dan Puan - puan yang dihormati sekalian,

Bermula 1 Jun 2016, pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca telah dijalankan. MPSP bertanggungjawab dalam memungut sisa kitar semula bagi kawasan taman perumahan.

Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka sebelum dilupuskan; barang kitar semula kering dan sisa domestik. Kaedah ini merupakan pengasingan sisa di punca yang paling mudah. Kaedah ini dipilih kerana mudah dilaksanakan dan mudah diterima oleh masyarakat.

Untuk makluman hadirin, pihak MPSP telah menyediakan seramai 62 orang pemandu, 62 orang pekerja am dan 62 buah lori tipper bagi menjalankan kutipan sisa kitar semua bagi kawasan taman perumahan.

Setiap kutipan sisa kitar semula di kawasan taman perumahan akan dihantar ke depo pembersihan mengikut zon masing-masing. Terdapat lapan buah depo di kawasan Seberang Perai ini iaitu:

1. Depo Pembersihan Kepala Batas
2. Depo Pembersihan Tasek gelugor
3. Depo Pembersihan Bagan
4. Depo Pembersihan Ampang jajar
5. Depo Pembersihan Berapit
6. Depo Pembersihan Jalan Betek
7. Depo Pembersihan Asas Murni
8. Depo Pembersihan Jawi

Aktiviti promosi, penerangan akan terus dibuat dari masa ke semasa secara terus menerus bagi mewujudkan kesedaran dikalangan penduduk Seberang Perai khususnya dan Pulau Pinang Umumnya.

Hadirin yang dihormati,

Mungkin ada dikalangan kita yang tertanya - tanya, apakah motif Dasar Pengasingan Sisa Di Punca ini dan apakah sasaran MPSP sendiri dalam pelaksanaan dasar ini.

Bagi sasaran MPSP terdapat 5 perkara yang ingin dicapai seiring dengan Pelaksanaan dasar Pengasingan Sisa Di Punca ini, iaitu:

1. Meningkatkan kadar kitar semula sehingga 50% menjelang 2020
2. Mengurangkan kos pelupusan sampah
3. Memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah
4. Mengurangkan pelepasan gas - gas yang berbahaya hasil daripada penguraian sampah
5. Menggunakan semula barangan sediaada sebagai sumber baru.

Jika penduduk Seberang Perai boleh mengurangkan sisa sebanyak 50%, iaitu dari 1100 tan kepada 550 tan sahaja sehari, MPSP dapat menjimatkan RM11,110 tipping free dalam sehari. Kita sedia maklum, tipping fee bagi satu tan sampah yang dihantar ke Pulau Burung adalah RM20.20. Dengan pengurangan sebanyak 50% sisa ini, penjimatan dalam tempoh sebulan ke atas tipping fee ialah RM333,300 dan untuk setahun penjimatan MPSP akan mencecah RM4 juta.

Kadar kitar semula di Pulau Pinang merupakan kadar kitar semula yang tertinggi di Malaysia iaitu 32% dan kadar kitar semula MPSP ialah 39%. Ini telah melebihi kadar sasaran iaitu 20% yang ingin dicapai diperingkat

kebangsaan menjelang 2020. Walau bagaimanapun, kadar ini masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju seperti Austria (63%), Germany (62%) dan Singapura sebanyak 59%.

Majlis Perbandaran Seberang Perai bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menerajui usaha kitar semula untuk membolehkan negeri kita mencapai kadar kitar semula yang paling tinggi di negara ini. Yang paling penting adalah usaha untuk mengurangkan sisa yang dijana, kemudian mengasingkan sisa yang dijana kepada sisa yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik, botol, dan sisa yang tidak boleh dikitar semula iaitu sisa dapur.

Oleh itu, kita perlu meningkatkan kesedaran rakyat negeri Pulau Pinang untuk menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa di punca. Amalan untuk mengasingkan sisa pepejal dan bahan kitar semula ini boleh mengurangkan sisa yang dihantar ke tapak pelupusan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan kita.

Tuan - tuan dan Puan - puan yang dihormati sekalian,

Membentuk diri menjadi agent of change, bukanlah perkara sukar, kerana ia berbalik kepada diri kita sendiri. Kita juga harus menjadi contoh kepada generasi muda agar apa yang kita lakukan hari ini akan berkesinambungan pada masa hadapan.



Saya dengan ini melancarkan Majlis Perasmian Lontaran Bebola Tanah dan Pelepasan Benih Ikan.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.